

Direka khusus untuk keperluan perubatan anda.

PRUMy Medical Plus

Ayuh kita bertindak dengan penyelesaian perubatan dan penyakit kritikal kami yang komprehensif dan mampu milik.

Insurans Perlindungan



PRUDENTIAL

Mendengar. Memahami. Melaksana.



**DENGAN KENAIKAN KOS PERUBATAN
DI MALAYSIA,**

ADAKAH ANDA MEMPUNYAI DANA YANG MENCUKUPI UNTUK MEMPERSIAPKAN DIRI ANDA UNTUK KEADAAN KECEMASAN PERUBATAN?

Ayuh kita bertindak dengan **PRUMy Medical Plus** dan pastikan anda dan keluarga anda sentiasa bersedia serta dilindungi untuk perkara yang tidak dijangka. Menuntut semula ketenangan minda anda dengan mengetahui bahawa apabila penyakit melanda, **PRUMy Medical Plus** boleh menjaga bil perubatan anda dan mengurangkan beban kewangan anda dan keluarga anda.

PRUMy Medical Plus adalah penyelesaian penyakit kritikal dan perubatan yang komprehensif dan mampu milik yang memberikan perlindungan jangka panjang dan dapat disesuaikan untuk memenuhi keperluan perlindungan dan bajet anda, dengan premium serendah RM153 sebulan!

AYUH KITA BERTINDAK.

TIDAK KIRA KEPERLUAN ANDA, KAMI ADA PELAN UNTUK ANDA

LITE

PRULite Med

✓ Insurans Hayat	× Faedah Pembayar
✓ Perubatan	× Penyakit Kritikal
✓ Kemalangan	

RM
bln **153**

PLUS

PRUTriple Med

✓ Insurans Hayat	✓ Faedah Pembayar
✓ Perubatan	× Penyakit Kritikal
✓ Kemalangan	

RM
bln **176**

KOMPREHENSIF

PRUMy Medical Plus

✓ Insurans Hayat	✓ Faedah Pembayar
✓ Perubatan	✓ Penyakit Kritikal
✓ Kemalangan	

RM
bln **231**

Nota: Premium bulanan yang dinyatakan di atas adalah berasaskan umur 20, kelas pekerjaan 1, Lelaki Bukan Perokok, tempoh polisi umur 70 dengan lanjutan automatik[^], dan PRULink Managed Fund II.

[^]Pelan ini didatangkan dengan opsyen untuk melanjutkan tempoh pelan asas dan rider(-rider) (jika berkenaan) sehingga Ulang Tahun Polisi yang mana Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 atau tempoh perlindungan maksimum rider, mana-mana yang lebih awal. Melainkan anda menarik balik persetujuan berkenaan, polisi anda akan dilanjutkan secara automatik selagi ia mempunyai nilai unit-unit yang mencukupi untuk menolak bayaran caj-caj, yuran-yuran dan cukai-cukai yang berkaitan semasa tempoh yang dilanjutkan. Untuk memastikan nilai unit-unit yang mencukupi, premium tambahan mungkin diperlukan dalam tempoh yang dilanjutkan.



TIADA HAD TAHUNAN ATAU HAD SEUMUR HIDUP

- Perlindungan tanpa had untuk melindungi anda bertahun-tahun akan datang
- Nikmati penjimatan dalam premium anda dengan Med Saver (di mana anda membayar RM300 setiap hilang upaya)
- Kami membayar 80% daripada lebihan kos yang berkelayakan apabila tuntutan terkumpul anda dibayar melebihi Med Value Point*

*Tuntutan manfaat berkelayakan akan dibiayai sepenuhnya (tertakluk kepada Med Saver, jika ada) hingga ke Med Value Point.



MANFAAT TAMBAH NILAI ISTIMEWA

- Perlindungan Komplikasi Kehamilan sehingga RM5,000 setahun
- Melindungi anda daripada 11 komplikasi kehamilan semasa atau selepas kelahiran anak



PERKHIDMATAN TAMBAH NILAI, TANPA KOS TAMBAHAN

- Kurangkan kebimbangan tentang kecemasan yang berkaitan dengan perjalanan dengan Bantuan Perubatan Kecemasan
- Dapatkan akses ke Penerima Pakar Perubatan dalam pelbagai bidang pengkhususan



PILIHAN UNTUK DEDUKTIBEL TINGGI

- Nikmati lebih banyak penjimatan dalam premium anda dengan pilihan untuk deduktibel tinggi (RM20,000/RM50,000/RM75,000/RM100,000)
- Melengkapkan sebarang perlindungan perubatan yang mungkin anda miliki

Nota: Ciri-ciri yang diketengahkan di atas adalah berasaskan PRUValue Med, rider perubatan yang boleh dilampirkan kepada PRUWith You.



Sila kunjungi laman web www.prudential.com.my untuk maklumat lanjut.
Hubungi Perancang Kewangan Prudential anda sekarang untuk maklumat lanjut!

Nota Penting & Penafian

- **PRULite Med, PRUTriple Med dan PRUMy Medical Plus** adalah penyelesaian yang ditawarkan oleh produk kami, **PRUWith You** sebagai pelan asasnya dilampirkan dengan rider perubatan. Penyelesaian ini diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad 198301012262 (107655-U), yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2019 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- **PRULite Med, PRUTriple Med dan PRUMy Medical Plus** terdiri daripada komponen yang boleh dibeli secara berasingan dan anda tidak diwajibkan untuk memilik semua komponen pakej ini.
- Pembelian insurans hayat adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini (termasuk rider) menepati keperluan anda dan anda mampu membayar amaun premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk berbuat demikian, kami menyarankan anda supaya berbincang dengan Perancang Kewangan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diberikan. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut.
- Kos insurans yang dicaj untuk rider Insurans Perubatan dan Kesihatan ditunjukkan di laman web Prudential.
- Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas produk dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk **PRUWith You**, Ilustrasi Produk, Lembaran Fakta Dana (jika ada) dan risalah *insuranceinfo* mengenai Insurans Berkaitan Pelaburan, Insurans Kemalangan Peribadi dan Insurans Perubatan dan Kesihatan sebelum membeli sesuatu polisi, serta merujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri dan manfaat-manfaat, pengecualian-pengecualian dan tempoh menunggu di bawah polisi ini.
- Tempoh rujukan percuma selama 15 hari diperuntukkan dari tarikh polisi dihantar kepada anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik anda nilai unit (pada harga unit tarikh penilaian berikutnya selepas tarikh pemberitahuan) tambah dengan premium yang tidak diperuntukkan, caj (sebarang caj insurans, caj perkhidmatan, caj pemprosesan dan caj-caj lain, mana yang berkenaan) dan cukai (jika ada) yang telah kami tolak dan juga akan menolok perbelanjaan perubatan yang kami mungkin telah bayar atau bersetuju untuk bayar.
- **PRUWith You** dan rider-ridernya yang boleh dilampirkan (jika ada) bukan produk patuh Syariah.
- Anda boleh melakukan penyerahan polisi pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda menamatkan polisi dalam tahun-tahun terawal, anda mungkin akan memperolehi amaun yang lebih kurang daripada premium yang anda telah bayar. Pada penyerahan polisi, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat di bawah pelan ini akan ditamatkan.
- Sebarang rujukan umur adalah berasaskan Umur Pada Hari Jadi Akan Datang.
- Sekiranya versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina bagi risalah ini mempunyai sebarang ketidakselarasan, versi Bahasa Inggeris bagi risalah ini akan diguna pakai dan diberi kesan.

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET PENDASAR, DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH.

Prudential Assurance Malaysia Berhad

Ahli PIDM

Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang diinsuranskan di bawah polisi insurans yang ditawarkan oleh PAMB adalah dilindungi daripada kerugian sebahagian atau keseluruhan manfaat insurans oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari PAMB atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

10/2020